



Pelajar antarabangsa, Md Robiul (kanan) dan Abioye Dolapo **bersemangat melakukan persiapan Aidilfitri** yang bakal disambut esok.

[FOTO WAN NUR AMIRAH WAN MOHAMED REDZA/ BH]

# MUSAFIR AIDILFITRI

Pelajar antarabangsa **tidak sabar merasai kemeriahan Aidilfitri di Malaysia**

Oleh **Khairunnisa Kamarudin**  
nisa.kamarudin@bh.com.my

► **Nilai**

**M**enyambut lebaran di perantauan menjadi lumrah bagi kebanyakan pelajar antarabangsa yang belajar di beberapa universiti awam di negara ini.

Jauh beribu batu daripada keluarga dan sanak saudara, mereka terpaksa akur merayakan detik 1 Syawal yang bakal disambut esok, atas komitmen sebagai pelajar.

Biarpun sambutan berbeza dari segi budaya, adat serta

juadah, namun matlamatnya sama iaitu meraikan hari kemenangan selepas sebulan berpuasa dan ia bakal disambut meriah oleh kebanyakan pelajar antarabangsa khususnya di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). ● V2



Kehadiran rakan sekuliah mengubat kerinduan Nader kepada keluarganya di Yaman.

# Rakan sekuliah ubati rindu kepada keluarga

► Nilai

**M**engenangkan keadaan negaranya yang masih bergolak, pelajar Doktor Falsafah (PhD) Sains Komputer, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nader Yahya Al Keinay terpaksa melupakan hasrat untuk

pulang beraya ke Yaman, tahun ini.

Nader yang sudah 13 tahun berada di Malaysia akan meneruskan kelazimannya menyambut Aidilfitri bersama-sama rakan dari pelbagai universiti di negara ini.

“Sedih mengenangkan nasib dan keadaan ibu,

ayah serta adik-beradik yang berada di sana, tetapi saya berdoa supaya keselamatan mereka terjamin dan dapat menyambut Aidilfitri dengan gembira.

“Sudah lama saya tidak pulang ke Yaman, saya rindukan saat kemeriahan meraikan ha-

ri raya bersama-sama keluarga dan saudaramara suatu ketika dulu,” katanya.

## Pulih daripada pergolakan

Beliau yang mendoakan keadaan negaranya kembali pulih daripada krisis pergolakan itu, turut berharap agar dapat berpeluang menyambut Aidilfitri bersama-sama keluarganya pada tahun depan.

Berkongsi pengalaman menyambut Aidilfitri di Malaysia, Nader mengakui sambutan dijangka tetap meriah kerana masing-masing berkumpul dan menziarahi rumah rakan lain dari pelbagai negara.

Walaupun kesedihan sedikit terubat, namun keluarga tetap diingati dan beliau yakin masih ada peluang untuknya beraya bersama-sama keluarga suatu masa nanti.



“SUDAH LAMA SAYA TIDAK PULANG KE YAMAN, SAYA RINDUKAN SAAT KEMERIAHAN MERAIKAN HARI RAYA BERSAMA-SAMA KELUARGA”

**Nader Yahya Al Keinay,**  
Pelajar USIM

## Tabah beraya tanpa keluarga demi menuntut ilmu

► Dari muka 1

Pelajar Tahun Dua Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kimia Industri USIM, Abioye Dolapo Azeez, 21, berkata ini kali pertama beliau bakal menyambut Aidilfitri tanpa ahli keluarga di sisinya.

“Memang sedih tetapi mengenangkan kewajipan menuntut ilmu di sini, saya perlu tabah. Tidak

sabar untuk menyambut hari raya di Malaysia esok kerana saya dimaklumkan oleh rakan sekuliah bahawa sambutan Syawal di sini juga meriah kerana ada pelbagai juadah enak dihidangkan.

“Ini bakal menjadi pengalaman baharu dan kenangan manis yang tidak akan dilupakan apabila kembali ke Nigeria nanti,” katanya yang merancang menyambut Aidilfitri di

rumah rakannya di Kuala Lumpur.

Walaupun teruja menyambut Aidilfitri di Malaysia, Abioye Dolapo tetap merindui hidangan tradisi Nigeria, nasi kacang yang kebiasaannya dihidangkan pada Hari Raya pertama.

## Kongsi budaya

Bagi pelajar dari Bangladesh, Md Robiul Islam, 23, beliau tetap bersyukur dan gembira kerana masih

ramai rakan yang ada bersama-samanya untuk menyambut Aidilfitri, esok.

Md Robiul juga mengakui bernasib baik kerana dapat menimba pengalaman menyambut Aidilfitri di sebuah negara Islam.

“Saya tidak menghadapi masalah untuk bersama-sama meraikan hari raya di sini, tambahan pula rakyat di negara ini kebanyakannya peramah dan baik hati. Ada juga kenalan dan

pensyarah yang awal-awal lagi menjemput kami ke rumah untuk menikmati juadah istimewa bersempena dengan hari raya.

“Tahun ini, saya akan mengikut rakan pulang beraya ke Kelantan. Saya berasa teruja untuk belajar mengenai budaya dan cara masyarakat Malaysia khususnya penduduk Kelantan untuk dikongsikan bersama-sama keluarga di Bangladesh nanti,” katanya.